

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 14 APRIL 2017 (JUMAAT)

Disiplin dan komited rahsia kecemerlangan

Walaupun Saja

SHAH ALAM - Disiplin diri tinggi dan komited adalah antara aspek diutamakan kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjalankan tugas hingga melayakkan diri menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2016.

Pembantu Penilaian, Bahar Dolah, 59, berkata, sepanjang perkhidmatannya bersama MBSA, beliau sentiasa memberi tumpuan kepada tugas diberikan supaya dapat menghasilkan kualiti kerja seperti disasarkan.

"Perhubungan antara rakan sekerja perlu dijaga dengan baik kerana ia akan mewujudkan suasana kerja tanpa masalah.

"Disiplin diri juga harus diberi penekanan supaya mampu bekerja dengan cemerlang selain masalah dihadapi harus diketepikan ketika menjalankan tugas," katanya.

Bahar adalah salah seorang dari 129 kakitangan MBSA yang menerima APC 2016 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya di Auditorium MBSA, di sini.

Beliau menerima anugerah itu buat kali keempat dan pernah berkhidmat bersama Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) sebelum menyertai MBSA, pada 1979.

Pembantu Penguatkuasa,



Ramli Majid, 56, berkata, setiap tugas diamanahkan menjadi tanggungjawab kepada kakitangan berkaitan untuk melaksanakannya sebaik mungkin.

"Memang disiplin penting supaya kita mampu menghasilkan kerja yang baik dan boleh dicontohi," katanya yang kini bertugas di Jabatan Penguatkuasa MBSA.

Beliau yang mengalami kecacatan hingga kaki kirinya dipotong ekor menghidap kencing manis sejak 14 tahun lalu mengakui adakalanya merindui saat ketika menjalankan tugas di lapangan.

APC adalah majlis anjuran tahunan MBSA bagi menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun, di samping me-

ngangkat peranan pihak berkuasa tempatan itu dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat khususnya warga Shah Alam.

Penerima anugerah dinilai daripada segi kebertanggungjawaban, integriti, kepatuhan terhadap peraturan kerja, prestasi memberangsangkan, kemampuan menyelesaikan tugas dengan baik serta usaha dan komitmen kakitangan dalam menjalankan tugas diberi.

Penerima membawa pulang hadiah prestasi RM1,000 setiap seorang, sijil Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM400 dan mendapat peluang serta keutamaan dalam memajukan kerjaya.